



# **PANDUAN ETIKA PEMAKAIAN DAN PERATURAN MINGGU ALUAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

Disediakan oleh:  
**MAJLIS PELAKSANA  
UNIT DISIPLIN DAN PROTOKOL  
MINGGU ALUAN PELAJAR  
AMBILAN OKTOBER SESI 2025/2026**

## Kandungan

<b>1.0 Pendahuluan.....</b>	<b>3</b>
<b>2.0 Etika Pemakaian Siswa .....</b>	<b>4</b>
<b>3.0 Jenis Pemakaian semasa MAP beserta contoh .....</b>	<b>5</b>
<b>4.0 Etika Pemakaian Siswi .....</b>	<b>6</b>
<b>5.0 Jenis Pemakaian Beserta Contoh .....</b>	<b>8</b>
<b>6.0 Majlis Ikrar Pelajar.....</b>	<b>10</b>
<b>7.0 Peraturan Am MAP.....</b>	<b>11</b>

## **1.0 Pendahuluan**

Panduan Etika Pemakaian dan Peraturan ini merupakan satu info dan maklumat yang disediakan oleh Majlis Pelaksana Unit Disiplin dan Protokol (DisPro), Minggu Aluan Pelajar UNIMAS (MAP) sesi 2025/2026, dengan merujuk kepada *standard operating procedure* (S.O.P) terdahulu. Panduan ini merupakan bahan rujukan untuk pelajar baharu ambilan Oktober sesi 2025/2026. Dengan adanya panduan ini, diharapkan agar siswa dan siswi lebih cekap dan efektif dalam mematuhi segala etika serta undang-undang yang telah ditetapkan sepanjang M.A.P. berlangsung, Segala maklumat dan perkara yang terkandung di dalam S.O.P.ini boleh dipinda dan ditukar selaras dengan keperluan semasa dan menerima nasihat daripada Jawatankuasa Pengarah MAP sesi 2025/2026. Segala undang-undang yang dilaksanakan adalah berlandaskan undang-undang UNIMAS.

Disediakan Oleh,

### **Majlis Pelaksana**

Unit Disiplin Dan Protokol  
Majlis Aluan Pelajar (MAP)  
Sesi 2025/2026  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

## 2.0 Etika Pemakaian Siswa

	Pemakaian	Formal	Semi-Formal	Sukan
LELAKI	Baju	Baju Kemeja (Tanpa corak, lengan panjang dan wajib tuck-in)	Baju Kemeja (corak minima, lengan panjang dan wajib tuck-in)	Baju T-Shirt(Berkollar)
		Bertali leher (corak minima)	Bertali leher (corak minima)	
		Pakaian Kebangsaan (Lengkap dan sopan)	Baju T-Shirt (Berkollar)	
	Seluar	Slack (berwarna hitam, tanpa poket luar)	Slack (berwarna hitam, tanpa poket luar)	Tracksuit (berwarna gelap)
		Bertali pinggang hitam (PVC/kulit)	Bertali pinggang hitam (PVC/kulit)	
	Kasut	Kasut berwarna hitam, PVC/kulit dan corak minima (aksesori hitam sahaja)	Kasut berwarna hitam, PVC/kulit dan corak minima (aksesori hitam sahaja)	Kasut sukan
		Stokin (Berwarna gelap, melebihi paras buku lali)	Stokin (Berwarna gelap, melebihi paras buku lali)	Stokin
<b>Kekemasan diri</b>				
	Rambut	Berwarna hitam		
		Pendek dan kemas		
		Rambut tidak menyentuh telinga dan kolar baju		
		Songkok, kopiah, topi (kecuali sewaktu slot yang sesuai) tidak dibenarkan sepanjang MAP berlangsung		
	Muka	Misai dan janggut mesti kemas dan rapi		
		Jambang tidak dibenarkan		
	Kuku	Pendek, bersih dan tidak berwarna		
	Aksesori	Sebarang aksesori seperti gelang, cincin, rantai dan subang tidak dibenarkan		

### **3.0 Jenis Pemakaian semasa MAP beserta contoh**



**Formal**



**Semi-Formal**



**Pakaian Sukan**

#### 4.0 Etika Pemakaian Siswi

	Pemakaian	Formal	Semi-Formal	Sukan
PEREMPUAN	Baju	Baju Kemeja (Tanpa corak,lengan panjang)		
		Baju Kurung		
		Pakaian Kebangsaan (Lengkap dan sopan)	Baju T-Shirt (Berkolar dan lengan panjang bagi muslimah)	Baju T-Shirt (Berkolar dan lengan panjang bagi muslimah)
		Blouse (Tanpa corak, lengan panjang dan sopan)		
	Seluar/Skirt	Slack (berwarna hitam, tanpa poket luar)		<i>Tracksuit</i> (berwarna gelap)
		Skirt (Labuh melebihi paras lutut tanpa belah dan berwarna hitam)		
	Kasut	Kasut (berwarna hitam, PVC/kulit dan corak minima(aksesori hitam sahaja dan tumit tidak melebihi 2 inci)		Kasut sukan
		Stokin (Berwarna gelap,melebihi paras buku lali)		Stokin
	<b>Kekemasan diri</b>			
	Rambut	Berwarna hitam		
		Diikat rapi dan kemas		

	Tudung	Tanpa corak dan hiasan Muslimah diwajibkan pakai tudung sepanjang MAP berlangsung
	Aksesori	Sebarang aksesori seperti gelang, cincin, rantai dan subang tidak dibenarkan
	Kuku	Pendek, bersih dan tidak berwarna

## **5.0 Jenis Pemakaian Beserta Contoh**



---

**Formal**



---

**Semi-Formal**



---

Pakaian Sukan

## 6.0 Majlis Ikrar Pelajar

- 1) Sewaktu Majlis Ikrar Pelajar (MIP), pelajar **digalakkan** memakai kemeja lengan panjang berwarna putih sahaja. Sebelum pendaftaran kemasukan kolej, sila pastikan anda mempunyai kemeja lengan panjang berwarna putih.
- 2) Jika tidak mempunyai baju kemeja berwarna putih, pelajar juga **dibenarkan** memakai baju kemeja lengan panjang yang berlainan warna. Namun, keutamaan adalah kemeja lengan panjang berwarna putih.



## 7.0 Peraturan Am MAP

Peraturan Am Minggu Aluan Pelajar	Menepati masa
	Tidak merokok/ <i>vaping</i>
	Mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan sepanjang masa
	Menjaga kelakuan dan etika di laman sosial
	Hadir semua aktiviti yang telah ditetapkan
	Dilarang memandu atau menumpang kenderaan persendirian sepanjang MAP berlangsung KECUALI kenderaan rasmi
	Mematikan telefon bimbit atau menukar kepada mod senyap sewaktu slot taklimat dan formal.
	Dilarang mengganggu konsentrasi pelajar terutamanya semasa taklimat berlangsung
	Dilarang melakukan perkara sumbang dan tidak bermoral
	Menjaga batas pergaulan mengikut landasan syariat.
	Menjaga kebersihan individu dan persekitaran.
	Menghormati Komiti MAP (Jawatankuasa Pengarah, Majlis Pelaksana dan <i>Liaison Officer</i> ).
	Pelajar Muslim wajib untuk solat berjemaah terutama yang lelaki. Pelajar non- Muslim mestilah mengikuti slot kerohanian yang telah ditetapkan.
	Pergerakan keluar masuk UNIMAS adalah atas kebenaran Lembaga Pengarah MAP